

## Malaysia kekalkan kehilangan hutan pada tahap terendah

# Malaysia kekalkan kehilangan hutan pada tahap terendah

**Putrajaya:** Malaysia berada pada kedudukan keempat dalam senarai 10 negara teratas menangani pengurangan kehilangan hutan utama 2022.

Berdasarkan laporan terbaru *World Resources Institute Global Forest Watch dan University of Maryland* mengenai isu penebangan hutan secara global, Malaysia berjaya mengekalkan kadar kehilangan hutan pada paras yang rendah.

Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata secara keseluruhannya, Malaysia mengurangkan kehilangan hutan utamanya sebanyak 57 peratus pada 2022.

"Pencapaian ini disebabkan oleh beberapa inisiatif,

termasuk penguatkuasaan yang lebih ketat, pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) yang semakin tersebar luas dan Pemindahan Fiskal Ekologi (EFT) untuk inisiatif Pemuliharaan Biodiversiti.

"Ini yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan ketika ini, dan tindakan proaktif pelbagai kerajaan negeri dalam melindungi hutan mereka," katanya, kelmarin.

Beliau berkata, ketika Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro pada 1992, Malaysia menyatakan komitmen untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keluasan tanah negara supaya dilitupi pokok dan kawasan berhutan.

"Sehingga kini, Malaysia

masih mengekalkan komitmen tersebut di mana kawasan berhutan adalah seluas 18.05 juta hektar atau 54.58 peratus daripada keluasan tanah negara," katanya.

Nik Nazmi berkata, Laporan Penilaian Sumber Hutan Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 2020 menyenaraikan Malaysia sebagai salah satu di kalangan 25 negara membangun diiktiraf sebagai negara Hutan Tinggi, Penebangan Hutan Rendah.

Katanya, NRECC bagaimanapun menyedari bahawa Malaysia tidak boleh leka dan banyak usaha perlu dilakukan untuk memastikan kehilangan hutan utama negara dihentikan sepenuhnya dalam masa terdekat.

"Oleh itu, NRECC akan te-

rus melaksanakan beberapa inisiatif termasuk memperkasakan perundangan seperti Akta Perhutanan Negara 1984, meningkatkan usaha untuk mewartakan kawasan hutan termasuk di kawasan Central Forest Spine dan Kawasan Sensitif Alam Sekitar,

"Meningkatkan peruntukan EFT pada 2023 kepada RM150 juta (peningkatan sebanyak 150 peratus sejak pelaksanaannya pada tahun 2019) dan pelbagai usaha lain ke arah peningkatan pemuliharaan hutan negara," katanya.

Tambah beliau, pihaknya turut menggalakan semua pemegang taruh, termasuk kerajaan negeri, sektor swasta dan masyarakat, bersama-sama

NRECC untuk memperkasakan pengurusan dan pembangunan hutan serta mengekalkan kawasan hutan sedia ada demi kelestarian alam sekitar.

"Kami menggesa semua rakyat Malaysia untuk terus menyokong usaha kami dalam melindungi hutan sebagai salah satu sumber negara yang paling penting selain mewariskan warisan berharga itu untuk generasi akan datang," katanya.

**"Kami menggesa semua rakyat menyokong usaha kami melindungi hutan"**  
Nik Nazmi

